

# Peningkatan kes denggi bimbangkan wakil rakyat

**BANDAR SUNWAY** - Peningkatan jumlah mereka yang positif demam denggi di sekitar Subang Jaya nyata membimbangkan Ahli Dewan Undangan Negerinya (ADUN) Hannah Yeoh.

Beliau yang ditemui berkata, sejajar dengan peningkatan itu pihaknya memperkenalkan 'Kempen 10 Minit Bersihkan Rumah Anda' pada setiap Sabtu untuk menyedarkan masyarakat betapa pentingnya mengekalkan persekitaran yang bersih.

Menurutnya, apa yang lebih membimbangkan, kawasan Lagoon Perdana di PJS 9 menjadi antara kawasan 'hot-spot' yang menunjukkan peningkatan kes demam denggi dan antara kawasan yang paling tinggi penduduk menghidap penyakit itu.

Difahamkan, daripada 5 September hingga 20 November lalu, 54 kes direkodkan Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) dengan 25 daripadanya disahkan positif.

Dalam laporan kes demam denggi di kawasan itu, 53 menghidap demam denggi manakala salah seorang daripadanya menghidap demam denggi berdarah.

Bagaimanapun, tiada sebarang kes kematian berhubung penyakit berkenaan dilaporkan berlaku di kawasan itu.

"Kes denggi ini berkemungkinan terjadi apabila musim hujan sering berlaku pada akhir-akhir ini dan kawasan air bertakung menyebabkan wujud tempat pembiakannya.

"Sehubungan itu, kita perlu menyedarkan masyarakat supaya sentiasa memastikan tiada tempat di persekitaran rumah mereka yang boleh menjadi tempat pembiakan nyamuk," katanya.

Beliau berkata, penganjuran kempen selama 10 minit untuk membersihkan rumah telah dilaksanakan di beberapa kawasan sekitar Subang Jaya sebelum ini.

"Kita mahu masyarakat tahu bahawa membersihkan persekitaran rumah sekurang-kurangnya 10 minit pada Sabtu setiap minggu dapat menyelamatkan nyawa apabila mereka dapat memastikan tiada kawasan yang boleh menjadi tempat nyamuk aedes membiak," katanya ketika mengedarkan risalah berkaitan demam denggi kepada beberapa penaja serta penduduk di Pasar Pagi PJS 7/15, di sini.



Hannah (kanan) ketika menerangkan bahaya demam denggi kepada salah seorang penduduk di sini.

Dalam pada itu, Hannah turut mengingatkan penduduk di kawasan MPSJ supaya tidak terpedaya dengan segelintir kontraktor yang mengenakan sejumlah bayaran untuk membuat semburan 'fogging' di rumah mereka.

Menurutnya, MPSJ tidak mengenakan sebarang bayaran terhadap per-

khidmatan itu dan melantik kontraktor yang sah sahaja.

"Jika ada di antara masyarakat yang didatangi individu menyamar sebagai kontraktor dilantik MPSJ dan meminta bayaran diminta segera menghubungi Hotline MPSJ di talian 03-5637 6545.